

TINJAUAN MINGGUAN AGM/ EGM MSWG UNTUK TEMPOH 20 – 24 FEBRUARI 2017

Berikut adalah AGM/EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan MSWG pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman web MSWG di www.mswg.org.my.

Tarikh & Masa	Syarikat	Lokasi
21.02.17 (Selasa) 10.30 pagi	JCY International Berhad (AGM)	Wisma Taiko, 1, Jalan S.P. Seenivasagam, Ipoh, Perak
23.02.17 (Khamis) 09.30 pagi	MMAG Holdings Berhad (AGM)	Wisma Taiko, 1, Jalan S.P. Seenivasagam, Ipoh, Perak

Perkara penting untuk diajukan:	
Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
JCY International Berhad (AGM)	<p>1. Kumpulan mencatatkan perolehan dan kerugian sebelum cukai masing-masing berjumlah RM1.7 bilion dan RM6.9 juta pada tahun kewangan (TK) 2016 berbanding perolehan sebanyak RM1.9 bilion dan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM207 juta dalam tahun kewangan sebelumnya.</p> <p>Apakah langkah yang telah diambil dan/ atau akan diambil untuk mengekalkan pendapatan Kumpulan dengan keadaan pasaran semasa yang mencabar?</p> <p>2. Pada muka surat 97 hingga 98 dalam Laporan Tahunan 2016, dinyatakan bahawa Pendapatan daripada Jualan kepada pelanggan luar di bawah 'Lain-lain' telah menurun daripada RM14 juta pada TK2015 kepada RM25,000 dalam TK2016.</p> <p>Apakah yang menyebabkan penurunan yang ketara dalam pendapatan?</p> <p>3. Dalam Penyata Pengerusi, kami mendapati Syarikat telah mengambil langkah menyusun semula rangkaian produknya, dengan memberhentikan pembuatan Penutup Atas.</p>

	<p>Apakah yang menyebabkan pemberhentian itu?</p> <p>4. Syarikat telah membelanjakan RM67 juta untuk inisiatif dan penambahbaikan automasi atau penggantian kemudahan sedia ada demi meningkatkan kecekapan operasi.</p> <p>Adakah terdapat apa-apa kos tambahan yang perlu dibelanjakan ke atas kemudahan sedia ada dalam TK2017?</p>
<p>MMAG Holdings Berhad (AGM)</p>	<p>1. Menurut Pekeliling, MMAG melalui anak syarikatnya, MMAG Digital Sdn Bhd (“MMAG Digital”), akan memajak tanah di Taman Perindustrian UEP Subang Jaya, daripada Acer Sales and Services Sdn Bhd (“Acer”) dengan kos bulanan RM60,000 untuk membina bangunan pejabat dan gudang.</p> <p>Apakah sebab di sebalik keputusan oleh Lembaga Pengarah untuk memajak tanah ini dan adakah Lembaga mempertimbangkan mana-mana lokasi lain?</p> <p>2. Halaman 29 dalam Pekeliling menyatakan bahawa Acer mempunyai hak untuk mencari pembeli dalam tempoh pajakan atau selepas tamat semua tempoh pajakan selama 12 tahun dan MMAG Digital akan diberi hak penolakan pertama sekiranya Acer membuat keputusan untuk menjual tanah itu. Acer hanya perlu memberikan MMAG Digital tempoh notis setahun sekiranya ia berhasrat untuk menjual tanah itu.</p> <p>a. Adakah pajakan boleh dipindah milik jika Acer memutuskan untuk menjual tanah itu kepada pihak lain?</p> <p>b. Apakah kedudukan MMAG jika pemilik baharu memutuskan sama ada untuk menamatkan atau tidak memperbaharui pajakan dengan MMAG Digital?</p>